

# Pasaran sejaga tamat luas, harus jadi sasaran peniaga



**KONGSI MINDA USAHATEKWAN MUDA:** Encik Syamir memberikan banyak panduan berguna bagi usahawan muda yang ingin menembusi bidang perniagaan teknologi.

30 May 2015

**NORHAIZA HASHIM**

**APABILA** Encik Muhd Syamir Abdul Rahim menubuhkan firma teknologi logistic Sypher Labs dua tahun lalu, beliau menyasarkan pasaran sejagat.

Itu dorongan kuat yang membuat peniaga berusia 32 tahun itu bekerja keras dan membandingkan pencapaiannya dengan usahawan teknologi muda di Lembah Silikon.

"Saya mahu menghakis pandangan bahawa sebagai peniaga Melayu/Islam, saya harus menumpukan perhatian saya pada masyarakat saya, menjual produk dan khidmat saya kepada orang Melayu/Islam sahaja.

"Masyarakat kita membentuk hanya 15 peratus daripada penduduk Negara ini. Saiz itu terlalu kecil.

"Pasaran dunia harus menjadi matlamat kita jika kita ingin meningkatkan skala perniagaan kita," kata Encik Syamir.

Beliau ditemui selepas menyampaikan ceramah penuh inspirasi dalam Sidang Perniagaan Melayu/Islam anjuran Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS) kelmarin.

Lulusan sains hayati Universiti Nasional Singapura (NUS) itu pernah mengikuti program belajar di Universiti Pennsylvania dan Wharton di Amerika Syarikat.

Di sana, beliau menimba pengalaman bekerja sambil belajar di sebuah firma pemodal teroka (VC), iaitu syarikat yang membekalkan modal bagi pelaburan dalam perniagaan baru, selama setahun.

Malah, beliau pernah ditugaskan menyaring pelan perniagaan yang dibentangkan firma teknologi baru dari Lembah Silikon dan seluruh dunia, termasuk Facebook, YouTube dan LinkedIn, bagi mendapatkan dana daripada firma VC itu.

Pengalaman itu membuka minda Encik Syamir apabila memulakan perniagaannya sendiri.

"Antara sikap usahawan teknologi ialah kami akan memikirkan satu ciri baru bagi produk kami setiap dua minggu bagi menjadikannya lebih baik," kata beliau yang juga presiden AMP Muda, sayap belia Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Idea memperbaiki produk itu akan diuji untuk ditentukan apakah ia dapat dilaksanakan dan diterima pelanggan.

Sypher Labs menggunakan system teknologi maklumat pengkomputeran awan (cloud-computing), yang menyediakan aplikasi, platform dan prasarana computer melalui Internet, bagi membantu syarikat logistic menguruskan tempahan tugas logistic dan meneliti kenderaan logistic secara langsung.

Bermula di Pusa tInkubator NUS, firma itu baru-baru ini menarik dana modal sebanyak \$589,000 daripada sebuah syarikat incubator setempat, Get2Volume Pte Ltd, bagi meluaskan perniagaannya di Asia Tenggara.

Sebelum ini, Encik Syamir Berjaya mendapat geran \$50,000 Skim ACE Start-Ups oleh Masyarakat Bertindak Bagi Keusahawanan (ACE), yang disokong Spring Singapore dan International Enterprise (IE).